

Headline	Ekologi Biodiversiti		
Media Title	Sinar Harian		
Date	12 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	160,000
Page No	4	Readership	509,000
Language	Malay	Article Size	468 cm ²
Journalist	N/A	Ad Value	RM 7,983
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,949



Ekologi Biodiversiti

Kepakaran kepelbagaian biologi alam

BIODIVERSITI merupakan kepelbagaian semua organisma yang hidup di planet ini yang memberikan kita sumber makanan, perubatan dan perindustrian. Pemuliharaan kepelbagaian biologi sangat penting kepada negara membangun seperti Malaysia supaya sumber genetikinya boleh dieksploitasi dengan berkesan.

Atas kesedaran itu, satu pelaksanaan program yang dinamakan Ekologi Biodiversiti telah diwujudkan bagi melahirkan lebih ramai tenaga pakar dan penyelidikan dalam bidang biologi termasuk bioteknologi, genetik, biokimia, pengurusan alam sekitar dan sebagainya supaya pengurusan sumber semula jadi dapat dipelihara dan dimanfaatkan sebaiknya pada masa akan datang. "Di kampus Universiti Malaya (UM) ada menawarkan program ini iaitu bermula sesi 2000/2001. Objektif adalah untuk menghasilkan para graduan yang berpengetahuan mendalam berkenaan aspek kepelbagaian biologi serta nilai ekologiannya bagi membolehkan konservasi dan pengurusan lestari sumber semula jadi kita sebagai



ANTARA aktiviti yang dilakukan pelajar.

Info

Kelayakan

- Lulus PNGK minima 3.00 (Matrikulasi/Asasi/STPM/Diploma dan Universiti Awam.
- GCE A-Level yang diiktiraf dan B dalam Biologi
- Tahap 2 (Band 2) dalam MUET atau Band 4 (Academic) dalam IELTS

khazanah negara," kata Profesor Madya Dr. Md Yusoff Musa, Program Ekologi Biodiversiti Institut Sains Biologi Fakulti Sains, UM.

Tambahnya lagi, untuk program ini tempoh pengajian ialah selama tujuh (7) semester dan satu (1) semester pendek, bersamaan tiga setengah (3 1/2) tahun.

Kepelbagaian peluang kerjaya

Menurut beliau, antara pengisian yang terdapat di dalam program Ekologi Biodiversiti ini ialah untuk memberi pengetahuan dan kepakaran mendalam tentang kepelbagaian biologi sumber alam semula jadi sesebuah negara 'mega-diversity' seperti Malaysia dan



MELAHIRKAN lebih ramai tenaga pakar dan penyelidikan dalam bidang biologi termasuk bioteknologi, genetik, biokimia, pengurusan alam sekitar dan sebagainya.

rantau Asia, termasuk flora, fauna dan mikrob, yang mana saling tindakannya dengan persekitaran dan

pengurusan ekosistem. Pengurusan yang sistematik ini sangat penting dalam mengoptimumkan pembangunan industri di Malaysia termasuk pertanian serta sumber genetikinya.

"Bagi graduan yang mengikuti program ini mempunyai peluang kerjaya yang besar dan sangat sesuai dalam bidang ini antaranya sebagai pakar ekologi (terutama dalam aspek EIA), pakar hidupan liar (Jabatan Hidupan Liar, taman-taman tema dan haiwan, zoo, Malaysian Nature Society (MNS), WWF), pakar ekopelancongan, pakar



MD YUSOFF

perhutanan (Jabatan Perhutanan, FRIM), kurator, pakar landskap, pengurus ladang, usahawan (pertanian, hasilan herba), ahli akademik, saintis, penyelidik, wartawan, penulis, pentadbir, dan banyak lagi," katanya.

Persaingan dan harapan

Program ini juga unik kerana tiada Universiti Awam (UA) lain yang menawarkan program yang serupa.

Justeru, beliau mengharapkan agar kurikulum pengajian Program Ekologi Biodiversiti ini dapat disemak setiap lima (5) tahun bagi memastikan kualiti program sentiasa maju dan terkehadapan yang mana semakan terakhir dilakukan adalah pada sesi 2016/2017.



PELAJAR sedang menyiapkan tugasan yang diberi.